



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 30 OGOS 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	NELAYAN TAK BANTAH PROJEK KLIP, TUNTUT KERAJAAN BELA NASIB, NASIONAL, BH -22	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	281KG KERAPU, TENGGIRI TANPA PERMIT EKSPORT DIRAMPAS, NEGARA, KOSMO -12	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
3.	KERAPU, TENGGIRI GAGAL DISELUDUP KE SINGAPURA, DALAM NEGERI, UM -38	
4.	SEDIA BIMBING 10,000 BELIA, NEGARA, KOSMO -16	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
5.	NAFAS AGIH ZAKAT RM100,000, NASIONAL, SH -11	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
6.	NAFAS TERUS KOMITED BANGUNKAN KEUPAYAAN PELADANG DI SELURUH NEGARA, SEMASA, NEW SABAH TIMES BAHASA (KK) -8	
7.	NAFAS: PROPOSED CHANGES TO MAKE REGULATION COMPATIBLE, NATION, DAILY EKSPRESS (KK) -2	
8.	COMMITTEE FORMED FOR PAHANG FARMERS, NATION/NEWS, NST -11	LAIN-LAIN
9.	'FARMERS TO GET HELP', NATION, SUNDAY STAR -8	
10.	'PEMAKAMAN BAIK HASIL PUN BAIK', XPRESI, METRO AHAD -36	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

## Nelayan tak bantah projek KLIP, tuntutan kerajaan bela nasib

**Alor Gajah:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan semalam mengesahkan nelayan di negeri ini tidak menentang pembinaan Pelabuhan Antarabangsa Kuala Linggi (KLIP) bernilai RM16 bilion di Kuala Linggi, dekat sini, tetapi mahu nasib mereka dibela.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, perkara itu disahkan selepas berdialog dengan Persatuan Nelayan Kawasan Melaka Barat (PNKMB) yang mewakili 255 nelayan berdaftar di kawasan itu.

Selain itu, komitmen berkenaan juga dilahirkan Persatuan Nelayan Negeri Sembilan (PNNS) melalui Pengerusinya, Abu Bakar Dawam yang turut serta dalam dialog yang dihadiri Pengerusi PNKMB, Mazelan Abu Bakar dan Pengerusi Persatuan Nelayan Melaka (PNM), Othman Ahmad di pejabat PNKMB di Kuala Sungai Baru, dekat sini.

Beliau berkata, pada dasarnya, nelayan tidak menentang projek berkenaan kerana memahami ia sebahagian daripada kemajuan negeri ini, tetapi mereka menuntut kerajaan negeri dan syarikat pemaju projek tidak menepikan kepentingan nelayan apabila projek itu dimulakan.

"Saya difahamkan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA), kesan sosial dan kesan terhadap sumber perikanan masih belum di buat, apatah lagi disiapkan.

"Bagaimanapun, nelayan komited untuk tidak menentang projek itu jika pelbagai aspek yang dituntut oleh mereka, terutama pampasan kepada mereka mampu dipenuhi syarikat pemaju," katanya pada sidang media selepas program itu.

Beliau berkata, setakat ini Kementerian itu sudah memberi pandangan mengenai projek berkenaan kepada Kementerian Pengangkutan ketika perbincangan Majlis Pembangunan Fizikal Negara (MPFN) diadakan pada tahun lalu.

"PNKMB dan dua lagi persatuan itu mendakwa setakat ini mereka tidak pernah dijemput menghadiri sebarang perbincangan sama ada oleh kerajaan negeri atau syarikat pemaju KLIP dan mereka mahu pandangan mereka diambil kira," katanya.

Terdahulu, ketika berdialog, Mazelan berkata, KLIP bakal memusnahkan habitat ikan di perairan Melaka Barat dari Tanjung Bidara hingga Kuala Linggi, sekali gus mengancam sumber pendapatan nelayan.



**SEBAHAGIAN** daripada kotak bekul ikan tanpa permit eksport yang sah dirampas Maqis di Kompleks Sultan Abu Bakar, Iskandar Puteri kelmarin.

## 281kg kerapu, tenggiri tanpa permit eksport dirampas

**ISKANDAR PUTERI** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) berjaya mematahkan cubaan menyeludup keluar sebanyak 282 kilogram (kg) kerapu dan tenggiri ke Singapura kelmarin.

Pengarah Maqis Johor, Nur Affah A. Rahman berkata, cubaan itu dikesan pihaknya pada pukul 1 pagi di Kompleks Sultan Abu Bakar di sini.

Katanya, kedua-dua jenis ikan yang bernilai RM7,004 itu cuba dibawa keluar tanpa permit eksport yang sah.

"Pemeriksaan mendapati pe-

milik lori menyorokkan sebanyak 56kg kerapu dan 225kg tenggiri tanpa ikrar.

"Mereka cuba mengaburi mata pihak berkuasa dengan mencampurakan kerapu dan tenggiri bersama ikan-ikan lain di dalam tong yang memiliki permit eksport," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Kesemua ikan tersebut dijita dan kes diasiat di bawah Seksyen 11(2) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (AKTA 728).

Kesalahan itu memperuntukkan hukuman denda sehingga

RM100,000 atau penjara maksimum enam tahun atau kedua-duanya sekali.

Menurut Nur Affah, pihaknya sentiasa memantau sebarang pergerakan import dan eksport melibatkan keluaran hasil perikanan supaya mematuhi syarat dan peraturan ditetapkan kerajaan.

"Tindakan penguatkuasaan undang-undang akan terus diperkasa di semua pintu masuk negara bagi memastikan kawalan penyakit ikan, haiwan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/8/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	38

# Kerapu, tenggiri gagal diseludup ke Singapura

**ISKANDAR PUTERI:** Jabatan Perkhidmatan Kuantantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) berjaya mematahkan cubaan pihak tidak bertanggungjawab menyeludup keluar ikan kerapu dan tenggiri bernilai RM7,004.83 ke Singapura.

Pengarah Maqis Johor, Nur Afifah A. Rahman berkata, cubaan tersebut dikesan pihaknya di lauan lori eksport di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB).

Katanya, ikan kerapu dan tenggiri berkenaan cuba dibawa keluar tanpa permit eksport sah.

"Hasil pemeriksaan rapi dijalankan pada pukul 1 pagi men-

dapati pemilik lori tersebut telah menyorokkan 56 kilogram ikan kerapu dan 225 kilogram ikan tenggiri yang tidak diikrarkan.

"Kesemua 281 kilogram ikan yang bernilai keseluruhan RM7,004.83 itu diletakkan bersama tong-tong lain berisi ikan yang memiliki permit eksport," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Kesemua barangan dagangan tersebut ditahan dan disiasat di bawah Seksyen 11(2) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Jika sabit kesalahan, pihak terlibat boleh didenda tidak me-

lebih RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

Tambah Nur Afifah, Maqis akan sentiasa memantau sebarang pergerakan import dan eksport melibatkan keluaran pertanian agar mematuhi syarat dan peraturan ditetapkan kerajaan.

"Tindakan penguatkuasaan undang-undang akan terus diperkasa di semua pintu masuk negara bagi memastikan kawalan penyakit ikan, haiwan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara," ujarnya.



ANTARA ikan dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia kerana mahu diseludup ke Singapura.

# Sedia bimbingan 10,000 belia

**PASIR PUTEH** – Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) menyasarkan lebih 10,000 belia untuk mendapat bimbingan dan latihan dalam industri hiliran berasaskan hasil pertanian.

Pengerusinya, Datuk Kamarudin Md. Nor berkata, pihaknya sudah mengarahkan pegawai pegawai KADA merangka kertas kerja untuk tujuan itu.

Katanya, selain menggalakkan belia mengusahakan tanaman padi, mereka juga perlu kreatif menyertai industri hiliran yang menjanjikan pendapatan lumayan.

“Pelan tindakan ini memerlukan tempoh lima tahun dengan belia diberi pendedahan, bimbingan dan latihan selain tampil sebagai petani pelapis moden,” katanya selepas menyampaikan bantuan kepada golongan asnaf di Kampung Tualang Rendah di sini semalam.

Pada majlis itu, seramai 39 petani golongan asnaf di kampung itu menerima bantuan makanan asas harian.

Kamarudin berkata, belia yang berminat boleh menceburkan diri dalam usaha menghasilkan ragi dan cuka beras untuk

dieksport ke negara-negara luar terutama ke Jepun yang mempunyai permintaan tinggi.

“Mereka mampu meraih pendapatan yang cukup lumayan iaitu antara RM3,000 hingga RM5,000 sebulan jika diusahakan secara bersungguh-sungguh menggunakan teknologi moden dan terkini.

“Kempen ini penting dalam usaha untuk mengambil alih kira-kira 1,700 daripada keseluruhan 7,000 petani yang mengusahakan tanaman padi tetapi sudah lanjut usia iaitu melebihi 70 tahun ke atas,” katanya.

# NAFAS agih zakat RM100,000

Agihan zakat perniagaan kepada 500 asnaf dalam kawasan Parlimen Jasin

Oleh NORFAHANA YAACOB

**MELAKA**

**S**ebanyak RM100,000 agihan wakalah zakat perniagaan disalurkan oleh Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) kepada seramai 500 asnaf dalam kawasan Parlimen Jasin di sini semalam.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, sumbangan menerusi program Prihatin Peladang itu akan memberi manfaat kepada kira-kira 7,000 keluarga di seluruh Malaysia yang dijangka diterima pada tahun ini.

Menurutnya, penganjuran program itu menunjukkan komitmen NAFAS bagi memastikan setiap keuntungan daripada aktiviti perniagaan dikongsi semula bagi manfaat ahli peladang dan golongan asnaf-setempat.

“Pada program ini, Pejabat Parli-



Ahmad (empat dari kiri) menyerahkan sumbangan kepada wakil penerima sempena program Prihatin Peladang Melaka di Masjid Simpang Kerayong dekat Rim semalam.

men Jasin turut menyumbang sebanyak 500 kit makanan.

“Sumbangan diharap dapat meringankan kos perbelanjaan seharian mereka,” katanya kepada pemberita pada program Prihatin Peladang Melaka di Masjid Simpang Kerayong dekat Rim di sini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rim, Datuk Ghazale Muhamad dan Ahli Jemaah Pengarah NAFAS, Datuk Ali Shikh Ahmad.

Ahmad berkata, wakalah merupakan

dasar pengembalian wang zakat oleh majlis-majlis agama negeri kepada penganjur zakat sebagai wakil untuk diagihkan semula kepada asnaf.

Terdahulu, program selama dua hari itu diadakan di empat lokasi iaitu Masjid As-Sujaah, Merimau yang melibatkan seramai 100 penerima, Masjid Al Muttaqin Kampung Tedong (100 penerima), Masjid Al Hasanah, Sungai Rambai (100 penerima) dan Masjid Simpang Kerayong (200 penerima).

Sementara itu, seorang penerima, Sawiyah Mohd Zaini, 33, melahirkan rasa terharu dan berterima kasih atas sumbangan tersebut.

Menurutnya, sumbangan itu pertama kali diterimanya sejak menjaga dua anak saudara selepas ibunya jatuh beberapa tahun lalu.

“Syukur alhamdulillah. Terima kasih kerana memilih saya sebagai salah seorang penerima sumbangan zakat ini,” kata Sawiyah.

Headline	NAFAS terus komited bangunkan keupayaan peladang di seluruh negara		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	30 Aug 2020	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	11,025
Page No	8	Readership	33,075
Language	Malay	ArticleSize	649 cm <sup>2</sup>
Journalist	NOOR ZAFIRA SHAFIE	AdValue	RM 1,426
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 4,278



MERAKAM kerangan bersama selepas menyampaikan replika cek sumbangan kepada kesemua 26 PPK.



KIBARKAN...Mengibarkan Jalur Gemilang.



NAZRI ketika dilulus pemberita.



MADLEE (tiga kiri) ketika menyampaikan cenderahati kepada Shahrudin (dua kiri) pada program itu.

## NAFAS terus komited bangunkan keupayaan peladang di seluruh negara

OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE

KOTA KINABALU: Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) terus komited dalam usaha untuk membangunkan keupayaan peladang dari semua peringkat di seluruh negara dan antara insentif yang diambil adalah dengan memberi sumbangan kepada semua 26 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) seluruh negeri Sabah.

Sumbangan bernilai RM18,000 diberikan bagi setiap PPK melalui RM3,000 bagi geran mesyuarat agung, RM5,000 bantuan COVID-19 dan RM10,000 bagi wakalah zakat.

Selain itu, peladang-peladang dan peladang muda juga masing-masing diberikan bantuan sebanyak RM15,000.

Ahli Jawatan Pengarah NAFAS merangkap Pengerusi Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Sabah Datuk Mohd Nazri Abdulah berkata bantuan sumbangan itu adalah antara insentif NAFAS bagi program tanggungjawab sosial dan diberikan kepada PPK di seluruh negara.

"Kali ini berbeza kerana sumbangan yang kita berikan ini kita turut sama mengadakan majlis sebagai kerana kita merasakan perlunya untuk kita merapatkan silaturahim antara pemimpin dalam pertubuhan ini di peringkat negeri dan kebangsaan," katanya.

Beliau berkata demikian semasa ditemui pemberita selepas Majlis Penyempuluan Sumbangan NAFAS serta Taklimat Menerangkan Peraturan Pertubuhan Peladang di sini, pada Jumaat malam.

Hadir sama dalam majlis itu ialah Ahli Jawatan Pengarah NAFAS Mohamad Bahri Abd Karim.

Menurut Nazri, peraturan dalam Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109) telah dibuat agak lama dan perlu dilihat semula beberapa aspek mengikut perubahan masa dan keadaan.

"Kita melihat peraturan ini yang dulu digubal dan ada diubahsuai sedikit pada 2019, namun kini kita merasakan bahawa masih ada keperluan untuk meneliti dan melihat semula akan Akta ini kerana ia perlu ditambahbaik mengikut peredaran masa.

"Dan nanti akan diadakan bengkel di ibu negara dijangkakan pada September, penghujung bulan yang mana kita berkumpul bersama pemimpin pertubuhan dan akan berunding dan memutuskan apa yang terbaik untuk pertubuhan, seterusnya membawa keputusan tersebut kepada pihak kementerian," katanya lagi.

Tambah beliau juga, antara aspek yang dilihat perlu diteliti semula adalah dari segi tempoh pemimpin pertubuhan memegang jawatan.

"Misalnya dalam akta sedia ada,

menyatakan bahawa pemimpin peladang boleh memegang jawatan tersebut untuk dua penggal dan perlu berehat satu penggal, dan barulah boleh bertanding semula untuk jawatan tersebut selepas itu.

"Kita merasakan bahawa sekiranya pemimpin peladang itu diyakini dan masih mendapat kepercayaan serta mampu menjalankan tanggungjawab dengan baik, maka wajar jika diteruskan lagi jawatan tersebut untuk disandang oleh beliau, tanpa perlu melepaskan jawatan walaupun sudah melepasi dua penggal," jelasnya.

Selain itu, Nazri juga memberitahu bahawa Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Ronald Kiangee juga turut mengumumkan bahawa pemilihan menteri dikembalikan kepada pemimpin peladang.

"Pemimpin peladang yang juga merupakan pemegang saham kini memegang peranan untuk hal perantaraan menteri dan hal ini juga kita sambung dengan baik dan akan digubal," ujar beliau lagi.

Sebelum melabuhkan tirai majlis itu, Nazri bersama PPK dan tetamu yang hadir turut mengibarkan Jalur Gemilang sambil menyanyikan lagu 'Jalur Gemilang' sempena menyamarakan semangat kemerdekaan pada semua tetamu bagi merayakan Hari Kemerdekaan Negara kali ke-63 dengan tema 'Malaysia Prihatin' yang bakal disambut beberapa hari lagi.

Headline	Nafas: Proposed changes to make regulation compatible		
MediaTitle	Daily Express (KK)		
Date	30 Aug 2020	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	25,055
Page No	2	Readership	75,165
Language	English	ArticleSize	216 cm <sup>2</sup>
Journalist	Larry Ralon	AdValue	RM 1,148
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,443



## Nafas: Proposed changes to make regulation compatible

**Larry Ralon**

KOTA KINABALU: The proposed amendments to the Farmers' Organisation (Amendment) Regulations 2019 are meant to improve and make it compatible with the current situation, said National Farmers' Organisation (Nafas) Board of Directors member Datuk Mohd Nazri Abdullah.

He said the said regulation has not been amended since 1973 and although a slight amendment was made to it last year, the present situation calls for it to be adjusted and improved accordingly.

"We are trying our best to make it compatible with the present situation," he said when met after he officiated the presentation of a Nafas corporate social responsibility (CSR) contribution of RM698,000 to 26 Area Farmers' Organisations (PPKs) in Sabah cum briefing on the Farmers' Organisation (Amendment) Regulations, here, Friday.

Nazri, who is also Sabah Farmers' Organisation (PPN) Board of Directors Chairman, said the event was also meant to give an explanation on the matter to all PPK leaders in Sabah, similar to those in the other states.

"We are giving an explanation to all the PPK leaders in Sabah. After this, we will do a workshop in Kuala Lumpur and then we will compile all the details and submit to the Agriculture and Food Industry Ministry," he said.

Asked what would be the new things proposed in the said regulation, Mohd Nazri said one of the new contents would be on the term a farmers' organisation leader can hold his/her post.



**Nazri (centre) witnessing the presentation of Nafas' CSR contribution to one of the 26 PPKs in Sabah.**

He said previously, a leader could hold his/her post for three terms only.

"This will be one of the things we will change so that a leader can continue to lead and be elected so long as he/she has the trust and is given the mandate by the delegates.

"Another amendment is on the Minister's appointment in the farmers' organisations, because Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Ronald Kiandee had stated recently that he would leave it to the Farmers' Organisation leaders to decide," he said.

On the CSR presentation, Mohd Nazri said Nafas held a ceremony for the presentation this time to enable the strengthening of relationship between the leaders of state and national farmers' organisation.

"Previously, Nafas gave the contribution directly to the PPKs. But this year, we hold this ceremony because it can help to bolster the existing relationship between all the farmers' organisation leaders," he said.



**SAFEGUARDING RIGHTS**

# Committee formed for Pahang farmers

**KUALA LUMPUR:** Pahang MCA has formed a Safeguard the Rights of Pahang Farmers Committee in order to tackle problems faced by farmers in the state.

The party's state liaison committee chairman, Datuk Seri Hoh Khai Mun, said various issues were plaguing farmers in the state.

Most of them involved agricultural produce such as Cameron Highlands vegetables and flow-

ers, Bentong ginger and birds' nest as well as the recent reclamation of land used by Raub's durian farmers.

A meeting was held on those issues which led to the formation of the committee to tackle them effectively and comprehensively.

Present in the meeting was MCA secretary-general Datuk Chong Sin Woon.

"We felt that the Pahang state

government would have better success in resolving disputes if better communication had been established between stakeholders through other means.

"In view of the continued escalation of this recent issue, we have decided to form this body to more efficiently negotiate with the Pahang state government to formulate a more well-rounded solution," he said in a statement yesterday.

# 'Farmers to get help'

## MCA forms panel to help Raub durian planters

**KUALA LUMPUR:** A committee has been formed to look into the various issues faced by farmers in Pahang, including the Raub durian farmers group, says Pahang MCA.

Its chairman Datuk Hoh Khai Mun (pic) said the Pahang MCA executive committee had convened an emergency meeting in light of the problems plaguing farmers in the state involving agricultural produce such as Cameron Highlands vegetables and flowers and Bentong ginger, bird's nest, as well as the issue of reclamation of land used by Raub durian farmers.

"The meeting has resolved to establish a Safeguard the Rights of Pahang Farmers Committee in order to tackle such issues effectively and comprehensively," he said.

Among those present at the meeting were party secretary-general Datuk Chong Sin Woon, MCA vice-president Datuk Seri Ti Lian Ker, who is also Kuantan division chairman, Cheka assemblyman Lee Ah Wong, Pahang MCA state liaison committee deputy chairman Datuk Seri Chow Liong and Raub

MCA division chairman Tan Sri Lam Kam Sang.

"We felt that the Pahang state government would have better success in resolving disputes if better communication had been established between stakeholders through other means.

"In view of the continued escalation of this recent issue, we have decided to form this body to more efficiently negotiate with the Pahang state government to formulate a more well-rounded solution," said Hoh.

On Friday, the Kuantan High Court granted a stay on enforcement of action against the illegal durian farms in Raub.



MCA vice-president Datuk Seri Ti Lian Ker, who is also Kuantan division chairman, Cheka assemblyman Lee Ah Wong, Pahang MCA state liaison committee deputy chairman Datuk Seri Chow Liong and Raub

HAFEDZ melihat itik telur mudah untuk diluruskan sebagai ternakan.

FOTO HAFEDZ REDZUAN ABDUL RAZAK

AGRO

Oleh Hafiz Ithain  
hafizithain@mediaprima.com.my

"Sehari, hasil ternakan itik telur saya mampu menghasilkan antara 300 hingga 380 biji, itu pun belum dapat menampung permintaan pasaran," kata pengusaha itik telur, Hafedz Redzuan Abdul Razak.

Mengusahakan ternakan itu sejak 2017, dia tidak menyangka mampu memberi pendapatan yang memuaskan. Malah, kos operasi juga tidak terlalu besar.

Mempunyai ladang ternakan itik telur di Tebuk Jawa, Sabak Bernam, Selangor, lelaki berusia 42 tahun itu juga memaklumkan modal permulaan bagi membeli baka itik telur sejumlah 50 ekor pada peringkat awal kurang RM700.

"Mulanya saya mengusahakan ayam kampung dan melihat ada ramal pengusaha ternakan itu. Jadi, saya mula terfikir untuk mempelbagaikan perniagaan ternakan dan melihat itik telur sebagai satu daripadanya.

"Jadi, pada 2017 saya membeli 50 ekor itik telur di kedai

unggas," katanya.

Hafedz Redzuan berkata, sehingga kini dia mempunyai 400 itik telur. Telurnya di pasarkan di sekitar kawasan setempat sehingga ke Negeri Sembilan, mengikut permintaan pelanggan.

Jelasnya, itik telur juga begitu unik kerana tidak memerlukan itik jantan bagi membolehkan si betina menghasilkan telur setiap hari.

Kemampuan haiwan ternakan itu untuk bertelur dengan baik bergantung kepada jenis pemakanan yang diberikan.

Katanya lagi, itik telur juga mudah untuk dijaga kerana tahan lasak dan tidak mudah dijangkiti penyakit serta kadar kematiannya juga rendah. Bagaimanapun, terdapat beberapa faktor yang boleh membantutkan proses pengeluaran telur antaranya tertekan dan mendapat ancaman pemangsa seperti ti blawak, ular serta anjing.

"Di ladang ternakan saya menggunakan konsep reban berpagar yang tidak mempunyai bumbung berkeluasan sekitar 0.4 hektar. Pada sebelah siang saya lepas ternakan ke sekitar reban bagi memastikan haiwan itu tidak 'tertekan'.

"Dari segi pemakanan

# 'PEMAKANAN BAIK HASIL PUN BAIK'

Hafedz Redzuan pasarkan telur itik di sekitar kawasan setempat sehingga ke Negeri Sembilan mengikut permintaan



REBAN terbuka untuk ternakan itik telur milik Hafedz.

pula saya berikan dedak khas untuk itik dan tidak mencampurkannya dengan makanan lain kerana faktor makanan amat penting bagi memastikan produktiviti pengeluaran telurnya," katanya.

Hafedz Redzuan berkata, itik telur juga tidak memerlukan penjagaan rapi dan tak terlalu bergantung kepada jumlah pekerja yang ramai memandangkan ketika ini hanya dia dan isteri, Norfarah Omar sahaja yang menguruskan operasi ternakan setiap hari.

Jelasnya, penjagaan reban juga amat penting bagi memastikan keadaannya sentiasa bersih selain berwaspada dengan kehadiran haiwan pemangsa.

"Pada masa sama, saya tidak membuat proses penetasan di sini dan hanya membeli itik telur yang sudah boleh bertelur. Strategi ini juga dapat membantu mengurangkan kos penjagaan memandangkan anak itik memerlukan penjagaan yang lebih rapi.

"Pada peringkat permulaan, saya memang beli yang masih kecil dengan harga RM3.80 sekor dan dalam tempoh empat hingga

lima bulan, anak itik telur mula matang untuk mengeluarkan telur. Kini, saya membeli yang sudah matang saja," katanya.

Katanya, itik telur juga agak unik kerana tidak memerlukan itik jantan untuk bertelur melainkan baka dan disebabkan itu, kebanyakan pengusaha itik telur hanya memerlukan itik betina.

"Daripada pengeluaran telur itu, saya juga membuat telur masin, tetapi ia bergantung kepada permintaan memandangkan ketika ini untuk telur biasa sahaja pun masih tidak dapat menampung permintaan pelanggan.

"Harga bagi sebiji telur biasa antara 50 sen hingga 70 sen sebiji dan telur masin antara 80 sen sehingga RM1 sebiji yang dijual kepada pembekal atau orang persendirian," katanya.

Katanya, bagi membolehkan mendapat maklumat mengenai penjagaan itik telur, Hafedz Redzuan mempunyai kumpulan WhatsApp yang ahlinya terdiri daripada rakan penternak haiwan berkenaan.

"Di dalam kumpulan itu kita biasanya berkongsi maklumat mengenai perkara yang

boleh meningkatkan pengeluaran dan kebanyakan kami adalah penternak kecil-kecilan serta tidak begitu komersial.

"Jadi, jika itik telur sakit, mengalami kematian dan pemilihan jenis makanan misalnya, kami akan menggunakan platform perbincangan itu untuk mendapatkan maklumat serta membantu antara satu sama lain," katanya.

Saya berikan dedak khas dan tidak mencampurkannya dengan makanan lain kerana faktor makanan amat penting memastikan produktiviti pengeluaran telur

**HAFEDZ  
REDZUAN**



ITIK telur milik Hafedz x-mi 400 Pkg



PENJAGAAN makanan itik amat penting bagi memastikan pengeluaran telur.



ITIK telur antara ternakan tahan lasak.



TELUR itik yang ingin diproses menjadi telur masin.